

TIDAK ramai yang sedar bahawa terdapat dalam kalangan pejuang bahasa Malaysia di negara ini yang terdiri daripada golongan bukan Melayu.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Melayu Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, **Dr. Maskiah Masrom**, Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, yang secara berterusan berusaha memartabatkan bahasa Malaysia, merupakan contoh terbaik.

"Saya lihat pejuang bahasa Malaysia tidak semestinya orang Melayu. Kalau dalam kalangan bukan Melayu menganggap perjuangan memartabatkan bahasa Malaysia sebagai sesuatu yang sangat penting, bererti usaha itu memang berada pada tahap yang tinggi.

"Penggunaan bahasa Malaysia di negara ini masih baik. Saya tidak nampak bahasa ini terjejas dalam apa bentuk sekali pun. Kuasailah bahasa Malaysia dengan baik tetapi pada masa sama, tidak lupakan bahasa-bahasa lain kerana ia sama sekali tidak menjejaskan bahasa Malaysia. Masing-

Bukan Melayu pejuang bahasa Malaysia

masing mempunyai fungsi dan peranan tersendiri," katanya.

Maskiah yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah Persuratan Melayu berkata, tahap penggunaan bahasa Malaysia oleh wakil rakyat bukan Melayu ketika berbahas di Parlimen adalah sangat baik.

"Kita melihat fenomena menarik di sini apabila Ahli Parlimen Sungai Siput, S. Kesavan, contohnya, menggunakan bahasa Malaysia lama dengan baik dan bersopan santun serta lengkap berpantun.

"Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong juga berbahasa Malaysia dengan baik," katanya.

Bagaimanapun, tambah beliau, adalah tidak wajar untuk menghukum atau mempersoal kesetiaan seseorang terhadap negara sekiranya individu itu tidak mampu bertutur bahasa Malaysia dengan baik.

"Contohnya, warga emas berketurunan Cina berumur 70 tahun yang sejak kecil membesar dalam kelompok kaumnya, tidak bersekolah dan tidak terdedah kepada masyarakat Melayu.

"Pastinya dia tidak akan faham bahasa Malaysia, itu bukan isu kesetiaan. Kesetiaan boleh diukur dari pelbagai aspek lain... apa yang penting adalah mereka masih berpegang kepada



LIM GUAN ENG disifatkan sebagai mempunyai penguasaan bahasa Malaysia yang baik ketika berbahas di Parlimen.

lima prinsip Rukun Negara," katanya yang tidak menafikan bahawa ada pihak yang sengaja mempolitikkan bahasa Malaysia.

Maskiah menasihati masyarakat Melayu supaya mempelajari selok-belok bahasa Malaysia dengan lebih mendalam dan tidak merasakan bahawa diri sendiri sudah hebat dalam penguasaan bahasa Malaysia.

"Panglima bahasa Johor, Allahyarham Tun Dr. Syed Nasir Ismail pernah menegur orang Melayu yang tidak mahu

mempelajari selok-belok keindahan Bahasa Melayu menerusi pantunnya yang berbunyi:

"Ke hutan sama berburu, orang melapah awak tidak, orang mendapat, awak melengit.

"Ke sekolah sama berguru, orang belajar awak tidak, akhirnya hujan balik ke langit.

"Maksudnya, kalau orang Melayu merasakan bahawa kerana dilahirkan sebagai Melayu, maka dengan mudah dapat bercakap bahasa

Malaysia, dia tidak boleh anggap bahawa bahasanya itu lebih baik daripada orang bukan Melayu yang belajar bersungguh-sungguh dan akhirnya menguasai Bahasa Melayu dengan baik," jelas beliau lalu memberi contoh Na Tien Piet - seorang Cina Peranakan kelahiran Betawi yang menguasai laras bahasa Melayu dengan baik dan yang merupakan penulis syair riwayat hidup Almarhum Maharaja Abu Bakar pada 1890-an. - BERNAMA



TEO KOK SEONG